NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#25

1 Ogos 2024 – 7 Ogos 2024

PENULIS NEXUS
KUMPULAN PENYELIDIK YAYASAN STRATEGIK LESTARI
DAN PENYELIDIK JEMPUTAN

www.yslestari.org.my/nexus

ISI KANDUNGAN

HAMAS Beri Signal Keras, PMX Masih Tunduk 2
Keadilan Buat Imane Khelif 5
Program Tajaan MyBrain 2.0 Kini Dibuka..... 7
Malpemakanan Bantut Tumbesaran Kanak-kanak 9
Perang Ke Atas Gula Hanya Janji Manis..... 11
Kolonisasi PATI Menggusarkan Rakyat 13

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

HAMAS Beri Signal Keras, PMX Masih Tunduk

- Kesyahidan pemimpin HAMAS, Ismail Haniyeh pada 31 Julai lalu mendapat perhatian dunia. Rata-rata masyarakat dan pihak berkuasa dunia menzahirkan kesedihan serta marah dengan penjajah rejim Zionis Israel.
- Pemimpin Tertinggi **Revolusi Islam Iran** telah memimpin solat jenazah dengan disertai puluhan ribu rakyat di Tehran. Manakala di Qatar, jenazah dikebumikan di Lusail, utara ibu negara Qatar selepas solat jenazah oleh orang ramai termasuk para pemimpin kerajaan dan parti politik dari seluruh dunia.
- Rakyat Malaysia dan kerajaannya juga tidak terkecuali menzahirkan rasa sedih dan marah atas pembunuhan pemimpin HAMAS itu. Presiden PAS sebelum itu telah menyeru seluruh umat Islam agar mengadakan solat ghaib dan diikuti solat hajat serta qunut nazilah pada 3 Ogos sempena Hari Solidariti Rakyat Palestin. Manakala kerajaan Malaysia pula mengadakan Himpunan Pembebasan Palestin pada 4 Ogos.
- Selepas kesyahidan Haniyeh, pelbagai pihak dalam dan luar negara telah menamakan **pengganti Ismail Haniyeh**. Nama-nama yang dicalonkan adalah Khaled Meshaal, Khalil al-Hayya dan juga Musa Abu Marzuk.
- Namun terdapat juga pihak yang meletakkan calon seperti Mohammed Deif dan Yahya Sinwar dalam senarai calon pengganti. Pelbagai analisis dibuat berkenaan latar belakang bagi setiap calon dan kebanyakan penganalisis menjangkakan Khaled Mashaal atau Khalil al-Hayya seperti mana dinyatakan oleh Hani al-Masri, pakar berkaitan organisasi Palestin.
- Namun tanpa dijangka oleh kebanyakan penganalisis, **Yahya Sinwar**, seorang pemimpin HAMAS yang menghabiskan separuh hayat dewasanya di penjara Israel sebagai pemimpin yang menggantikan Ismail Haniyeh. Beliau telah menghabiskan sebahagian besar hidupnya di penjara Israel kemuncaknya apabila beliau ditahan pada 1988 dan dijatuhi hukuman penjara seumur.

- Namun, pada tahun 2011 beliau bersama dengan 1026 tahanan lain dibebaskan hasil daripada perjanjian pertukaran askar Israel bernama Gilad Shalit, yang menjadi tawanan HAMAS selama lebih lima tahun.
- Pengumuman Yahya sebagai pemimpin kanan HAMAS disifatkan sebagai signal jelas kepada Israel. Ini kerana ramai berpendapat As-Syahid Ismail Haniyeh dikenali sebagai seorang perunding yang hebat. Yahya Sinwar pula adalah seorang **panglima** di medan perang. Ketika menyambut pengumuman HAMAS, Hizbullah dalam kenyataannya berkata, pemilihan Sinwar menunjukkan betapa kegagalan polisi Israel dalam membunuh pemimpin-pemimpin Hamas.
- Ketika signal penentangan lebih tegas terus diberikan kepada penjajah Zionis Israel, PMX yang mendakwa pendokong perjuangan rakyat Palestin ketika masa yang sama tidak menunjukkan tanda untuk menghentikan **penjualan saham MAHB** kepada GIP dan Black Rock, syarikat berkaitan dengan Israel.
- Langkah kerajaan ini disokong oleh pemimpin DAP, Ahli Parlimen Bentong, Young Syefura Othman yang menyifatkan keputusan dibuat kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (menjual sebahagian pegangan saham MAHB kepada GIP-BlackRock) itu memberikan kebaikan kepada rakyat atau ekonomi negara.
- Beliau berpendapat Malaysia memerlukan satu entiti daripada luar untuk membantu membangunkan semula lapangan terbang seperti KLIA yang dikira sangat terbelakang dan banyak perlu ditambah dana yang besar diperlukan. Kenyataan ini bertentangan dengan hakikat bahawa MAHB tidak mempunyai masalah kewangan.
- Malahan MAHB dalam satu kenyataan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif kumpulan berkata MAHB terus menerima permintaan yang memberangsangkan untuk perjalanan udara, dengan kapasiti tempat duduk

syarikat penerbangan terkini untuk 2024 menunjukkan peningkatan 13 peratus berbanding 2023.

- Kenyataan pemimpin DAP ini yang mengatakan keputusan dibuat ini memberikan kebaikan sama ada kepada rakyat ataupun ekonomi negara itu disanggah ramai. Setiausaha Agung PAS , Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata sebarang usahasama sedemikian perlu dihentikan memandangkan BlackRock secara jelas terlibat dalam pembiayaan dan persenjataan kepada rejim haram zionis Israel bagi melakukan pembunuhan, genosid dan jenayah perang yang terkutuk terhadap rakyat Palestin.
- Jelas, rakyat sehingga hari ini masih tidak memahami rasional penjualan saham MAHB oleh kerajaan PMX. Walaupun YB Menteri Komunikasi sedaya upaya cuba mengalihkan isu penjualan saham MAHB ini, namun kebanyakan rakyat yang mendokong perjuangan rakyat Palestin masih belum boleh menerima.
- Kita mengharapkan agar sebak dan sedih PMX yang dizahirkan ketika Himpunan Pembebasan Palestin pada 4 Ogos dapat ditunjukkan dengan menghentikan penjualan saham kepada syarikat berkaitan dengan persenjataan Israel.

RUJUKAN

- https://nationalpost.com/news/world/israel-middle-east/haniyeh-replacement-contenders
- https://www.reuters.com/world/middle-east/hamas-names-gaza-leader-yahya-sinwar-chief-following-haniyeh-killing-statement-2024-08-06/
- https://www.aljazeera.com/news/liveblog/2024/8/7/israel-war-on-gaza-live-concentrated-bombing-attacks-target-central-gaza?update=3102276
- https://api.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/02/1218082/untung-bersih-malaysia-airports-melonjak-kepada-rm54317-juta

Keadilan Buat Imane Khelif

- Kenyataan yang dibuat oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) pada 2 Ogos yang lalu memberikan keadilan yang wajar kepada pemain sukan tinju wanita, Imane Khalif.
- Ini berlaku setelah perlawanan pada 1 Ogos berakhir secara mengejut apabila Carini, pemain Itali memutuskan untuk **menghentikan perlawanan** sejurus selepas menerima tamparan hebat setelah 46 minit bagi 'memelihara' nyawanya. Ini akhirnya membawa kepada perbincangan yang panjang tentang kelayakan dan keadilan pertandingan.
- Menurut kenyataan IOC, antara faktor yang membenarkan penyertaan pemain Muslim Algeria ini adalah berdasarkan **pematuhan atlet** terhadap peraturan kelayakan dan pendaftaran, serta semua peraturan perubatan yang ditetapkan oleh Unit Tinju Paris 2024 (PBU).
- Bukan itu sahaja, peraturan ini juga diamalkan dalam perlawanan lain seperti European Games 2023, Pan American Games and Pacific Games, dan sebagainya. Menariknya, keputusan ini telah mengenepikan keputusan separuh masak yang dibuat dalam Kejohanan Dunia Persatuan Tinju Antarabangsa (IBA) 2023.
- IBA memutuskan 2 pemain wanita **gagal memenuhi kriteria** kelayakan gender yang ditetapkan oleh IBA. Keputusan ini diambil selepas ujian menunjukkan bahawa Khelif mempunyai kelebihan biologi yang berbeza dengan pemain wanita lain.
- Keputusan ini telah menyebabkan dua pemain hilang kelayakan tanpa melalui sebarang proses yang wajar. Dua pemain tersebut adalah Khelif dan Lin Yu-ting dari Taiwan. IBA, yang diterajui oleh Umar Kremlev dari Rusia menyatakan bahawa keputusan tersebut adalah "sangat penting dan perlu untuk mengekalkan tahap keadilan dan integriti tertinggi pertandingan."

- Namun, akibat kegagalan IBA memenuhi keperluan IOC, ia digantung dan pengiktirafan IBA sebagai badan berautoriti tinju ditarik balik. Ia berkait tiga perkara iaitu, ketelusan dan kemampanan kewangan, integriti pengadilan dan pembaharuan tadbir urus.
- Dalam Sukan Olimpik Paris 2024 pula, keputusan IBA dipertikaikan dan selepas 6 hari, IBA masih belum mengemukakan penjelasan dan bukti lanjut.
- Selain itu, hal ini telah menimbulkan prejudis sehingga menyebabkan **kekecohan di seluruh dunia** sedangkan Carini sendiri tidak mempersoalkan gender Khelif. Tanpa menyemak kebenaran fakta, pelbagai tuduhan dilemparkan oleh individu berprofil tinggi seperti Donald Trump calon presiden US dan calon naib Presiden JD Vance, penulis JK Rowling, pemilik platform X Elon Musk, dan perenang Riley Gaines.
- Dalam hal ini, seluruh dunia amnya **mengecam penglibatan transgender** dalam sukan wanita. Isu ini telah memperlihatkan bahawa keistimewaan biologi yang diciptakan ilahi mempunyai keunikan yang tidak boleh diadili menurut akal manusia semata-mata.
- Walau bagaimanapun, pada saat ruang ini ditulis, Khelif, 25 tahun bakal berlawan dengan Yang Liu, 32 tahun dari China bagi penentuan pingat emas wanita 66kg pada hari Jumaat, 10 Ogos, jam 4.51 petang. Semoga berjaya!

RUJUKAN

- https://olympics.com/ioc/news/joint-paris-2024-boxing-unit-ioc-statement
- https://apnews.com/article/olympics-2024-boxing-imane-khelif-iba-a26248f5285889dae13743f535ef9ed3

Program Tajaan MyBrain 2.0 Kini Dibuka

- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengumumkan permohonan bagi **program tajaan MyBrain 2.0** secara rasmi dibuka semula kepada semua rakyat Malaysia yang berkelayakan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD).
- KPT melalui kenyataan media bertarikh 1 Ogos lalu memaklumkan, MyBrain 2.0 merupakan **program kesinambungan** daripada MyBrain15 yang telah ditangguhkan secara rasmi pada Julai 2018, akibat masalah hutang negara serta kekurangan dana bagi menyokong kelangsungan program tersebut.
- Menurut kenyataan KPT lagi**, fasa pertama** program MyBrain 2.0 menyasarkan penerima dalam kalangan orang awam tidak bekerja atau tidak berpendapatan tetap; serta pensyarah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bagi melanjutkan pengajian mereka di 20 Universiti Awam (UA).
- Selaras dengan hasrat kerajaan dalam memperkasa bidang **Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik** (STEM), penajaan program MyBrain 2.0 akan memberi keutamaan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang tersebut selain bidang Sains Sosial dan Sastera Ikhtisas. Ia merangkumi pembiayaan yuran pengajian dan elaun sara hidup.
- Permohonan untuk penajaan dibuka bermula 1 Ogos 2024 (Khamis) sehingga 21 Ogos 2024 (Rabu) jam 11.59 malam secara atas talian melalui Sistem Permohonan MyBrain 2.0 di pautan: https://biasiswa.mohe.gov.my/MyBrain2.
- Pada Mac lalu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir memaklumkan kepada sidang Dewan Negara, program MyBrain15 dijenamakan semula sebagai MyBrain 2.0. Tambah beliau, pelaksanaan program ini dijangka mampu menaja lebih 500 pelajar pascasiswazah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM22.925 juta bagi setiap ambilan.


- Merujuk laporan **Kajian Impak MyBrain15** (2011-2015), program tersebut telah berjaya menaja seramai 56,910 orang pelajar menerusi tiga jenis penajaan iaitu MyMaster, MyPhD dan MyPhD Industri. Ia secara tidak langsung membuka peluang kepada graduan meningkatkan kesediaan kemajuan kerjaya dan pekerjaan yang lebih baik selari dengan peningkatan kelayakan akademik.
- Namun, sejak program itu tangguhkan, kerajaan sering diasak untuk mencari solusi yang sesuai bagi meningkatkan jumlah biasiswa pendidikan dan tidak hanya memberi alasan kekangan pendapatan. Ini penting bagi memastikan negara terus konsisten melahirkan graduan yang mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi serta modal insan yang kompeten.
- **Penangguhan program** itu juga telah menyebabkan kesan domino dalam institusi pendidikan negara seperti gagal mencapai sasaran melahirkan 60,000 pemegang Phd pada 2015, kurang minat pelajar menyambung pelajaran peringkat pascasiswazah, serta kemerosotan ranking universiti.
- Justeru, kerajaan diseru agar lebih berhati-berhati dalam menguruskan dana serta mengambil pengajaran daripada pelaksanaan program MyBrain15 yang telah terbantut dan terpaksa ditangguhkan.
- Bagi memastikan dana berterusan, kerajaan melalui KPT disaran untuk sentiasa mengadakan libat urus dengan pemain industri serta Syarikat Milik Kerajaan (GLC) untuk membincangkan tentang mekanisme yang sesuai supaya mereka dapat membantu mengisi tabung MyBrain 2.0 ini.

RUJUKAN


- https://malaysiagazette.com/2024/08/01/permohonan-mybrain-2-0-dibuka-esok-untuk-pengajian-sarjana-phd/
- https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1279097/permohonan-tajaan-pengajian-sarjana-phd-dibuka-petang-ini
- https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/08/01/boleh-mohon-tajaan-mybrain-mulai-hari-ini-kata-kpt/

Malpemakanan Bantut Tumbesaran Kanak-kanak

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan masalah malpemakanan kini tidak hanya berlaku dalam kalangan kanak-kanak daripada **keluarga berpendapatan rendah**, malah turut membelenggu golongan pertengahan dan berpendapatan tinggi.
- Malnutrisi atau malpemakanan merupakan keadaan yang terhasil akibat pengambilan nutrien yang tidak mencukupi, di mana berlaku pengambilan sesetengah zat yang kurang atau dalam nisbah yang salah yang akhirnya menyebabkan berlakunya masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak.
- Amat mengejutkan apabila Tinjauan Kebangsaan Kesihatan Malaysia (NHMS) pada tahun 2023 mendapati **kadar bantut kanak-kanak** di Putrajaya adalah 23.4%, melebihi kadar prevalens negara iaitu 21.2%.



- Antara penemuan lain dalam tinjauan tersebut ialah 10.9% bayi mempunyai berat lahir yang rendah, 21.2% kanak-kanak bawah lima tahun mengalami masalah terbantut, 15.3% kanak-kanak di bawah lima tahun mengalami berat badan rendah, 11.0% kanak-kanak di bawah umur lima tahun yang terlalu kurus untuk ketinggian (*child wasting*).
- Permasalahan tumbesaran bantut yang berlaku di kawasan bandar menunjukkan bahawa masalah malpemakanan ini tidak semestinya berlaku disebabkan faktor kewangan tetapi juga **faktor sosial dan pendidikan** pemakanan kanak-kanak.



- Dapatan juga mendapati bahawa 74.4% daripada ibu bapa yang mempunyai anak yang kurus untuk ketinggian mereka menganggap anak mereka mempunyai berat normal. Manakala, 80.3% ibu bapa yang mempunyai anak yang berlebihan berat badan menganggap anak mereka mempunyai berat badan normal.
- Atas dasar itu, kerajaan kini sedang merangka program **pengukuhan 1,000 hari pertama** kanak-kanak yang merupakan inisiatif di bawah Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak.
- Di bawah kerangka pengukuhan tersebut, tiga strategi yang perlu dilaksanakan dengan segera turut merangkumi peluasan skop perkhidmatan kesihatan termasuklah fasa prakehamilan.
- Selain itu, KKM juga mengalu-alukan lebih banyak penglibatan sekolah dalam program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS) sebagai menyokong usaha memerangi beban berganda malpemakanan kanak-kanak.
- Malpemakanan dalam kalangan kanak-kanak kini telah menjadi isu utama kesihatan awam utama di Malaysia. Meskipun, kanak-kanak di kawasan luar bandar masih mempunyai kadar bantut yang lebih tinggi berbanding di bandar, satu langkah pengukuhan keselamatan pemakanan kanak-kanak yang lebih holistik perlu dijalankan dengan kadar yang segera.

RUJUKAN

- https://www.sinarharian.com.my/article/678882/berita/nasional/masalah-malpemakanan-turut-belenggu-golongan-pertengahan-berpendapatan-tinggi
- Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbidit (NHMS): Kesihatan Ibu dan Anak 2023 https://iku.gov.my/images/teknikal-report/trnhmsmch2022v2.pdf


Perang Ke Atas Gula Hanya Janji Manis

- Menteri Kesihatan pada 2 Ogos lalu telah mengulangi tekad untuk meneruskan inisiatif **perang terhadap gula** atau 'War on Sugar'. Melihat kepada pengambilan gula yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia, ia menjadi antara **penyebab utama** pelbagai penyakit tidak berjangkit (NCD) berkaitan pemakanan terutamanya obesiti dan diabetes.

- Jika merujuk kepada Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023, berlaku peningkatan prevalen **berlebihan berat badan dan obesiti** di kalangan rakyat Malaysia iaitu dari 50.1% pada tahun 2019 kepada 54.5%. Malaysia juga antara negara dengan prevalen tertinggi di Asia Tenggara dengan nisbah 1 daripada 6 orang menghidap diabetes.

- Trend kemerosotan kesihatan sebegini bukan sekadar melandaikan tahap produktiviti rakyat akibat penyakit, malah membebankan **perbelanjaan kerajaan** dan sistem kesihatan awam. Pada tahun 2017, kerajaan telah membelanjakan RM4.38 bilion hanya untuk menangani dan merawat penyakit diabetes.

- Terdapat gesaan daripada beberapa pihak untuk mengambil langkah yang lebih drastik meskipun tidak popular seperti mengeluarkan pewartaan gula daripada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Begitu juga untuk tidak lagi memberikan subsidi gula memandangkan harga gula Malaysia antara yang terendah di dunia.



- Cukup ironi apabila kita mahu meningkatkan cukai terhadap minuman bergula tetapi masih **terus memberikan subsidi**. Malangnya cukai tersebut hanya berjumlah sekitar RM330 juta atau 7 peratus daripada perbelanjaan mencegah dan merawat diabetes yang diperlukan. Sekali lagi malangnya, angka itu lenyap apabila subsidi gula lebih tinggi daripada itu, iaitu antara RM500 juta hingga RM600 juta setahun.

- Sudahlah langkah untuk melarang penggunaan bahan yang terang-terang lebih berbahaya berbanding gula (seperti rokok) pun tidak dilakukan dengan serius, inikan pula KKM mahu mengubah sikap masyarakat yang sudah sebati dalam diet pemakanan mereka.

- Rakyat yang cakna dengan kesihatan sudah serik dengan janji manis yang Menteri dan Kementerian berikan untuk menangani pengambilan gula berlebihan. Berganti kepimpinan sekali pun tidak membawa apa-apa polisi yang signifikan ke arah tersebut.

RUJUKAN

- Kenyataan Media Kementerian Kesihatan Malaysia (2 Ogos 2024) https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia/posts/pfbid02LBARX3J1tnNZP2cd4ZkUhPzZBQdMh39fdL8FKi1tyXTii4FtaevSsDiX6doEzLMjl
- National Health and Morbidity Survey 2023
- https://codeblue.galencentre.org/2024/08/01/sugar-subsidies-undermine-mohs-war-on-sugar-azrul-mohd-khalib/
- https://galencentre.org/2024/05/09/sugar-should-no-longer-be-a-controlled-item-under-the-price-control-and-anti-profiteering-act-2011/

Kolonisasi PATI Menggusarkan Rakyat

- Kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) yang semakin hari semakin bertambah menjadi satu kerisauan kepada negara. Apa yang merisaukan terdapat beberapa sektor ekonomi mikro kini telah didominasi oleh golongan tersebut, antaranya pertanian, perkilangan, perladangan dan peruncitan. Sekali gus membuka ruang kepada warga asing untuk mengawal bekalan dan harga dalam industri pertanian serta rantaian makanan negara.

- Monopoli warga asing yang tidak terkawal telah mendapat perhatian oleh Sultan Pahang, malah baginda melahirkan rasa berdukacita terhadap mana-mana pihak yang tidak berintegriti yang berani memberi pajak serta sewa kepada warga asing demi mengaut keuntungan.

- Sektor pertanian dan perladangan komoditi negara juga sering menjadi tumpuan PATI kerana kerja-kerja ini memerlukan tenaga yang banyak dan kurang diminati oleh penduduk tempatan. Di kawasan tertentu, terdapat warga asing yang berkahwin dengan wanita tempatan bagi mendapatkan permit atau mendaftarkan perniagaan mereka untuk berniaga di kedai runcit, pasar malam dan perniagaan tertentu secara sah.

- Malah pendatang haram ini juga telah berani membina 'koloni' di beberapa lokasi tertentu sebagai kawasan petempatan dan perniagaan. Terdapat pendatang asing tanpa izin dari Bangladesh, Nepal, Pakistan, Indonesia dan Myanmar berani menjajah beberapa kawasan petempatan dengan menguasai kediaman flat dan kawasan perumahan sehingga menimbulkan ketidakselesaan dalam kalangan rakyat tempatan.

- Menurut Menteri Dalam Negeri (KDN), terdapat lima (5) negeri yang mempunyai keberadaan pendatang asing tanpa izin yang tinggi seperti Selangor, Kuala Lumpur, Johor, Sabah dan Sarawak. Setakat Januari 2022 sehingga Februari 2024, sebanyak 20,880 operasi penguatkuasaan telah

dilaksanakan. Pihak berkuasa telah berjaya menangkap 58,508 PATI dan 871 majikan yang melindungi serta menggaji golongan tersebut.


- Sepanjang 2018 sehingga 2023, jenis kesalahan yang telah dikenal pasti oleh pihak berkuasa meliputi (1) tangkapan bagi kesalahan tidak memiliki pas atau dokumen yang sah (125,209 orang0, (2) 31,048 warga asing ditangkap atas kesalahan tinggal lebih masa, (3) 23,050 orang ditangkap atas kesalahan melanggari syarat pas mereka dan (4) 1,734 pula memiliki visa atau pas palsu.
- Jumlah ini menunjukkan bahawa trend kemasukan PATI ke negara semakin tidak terkawal dan memerlukan tindakan yang cekap oleh kerajaan bagi memperkemas pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa.
- Kerajaan perlu menggunakan pelbagai pendekatan untuk mengenalpasti PATI, antarannya termasuk:
    - Operasi bersepadu di kawasan hotspot dan laluan tikus secara berkala.
    - Pemeriksaan dokumen di tempat tertentu seperti pasar borong, tapak pembinaan, kawasan perindustrian, perladangan dan peruncitan.
    - Mengoptimumkan teknologi melalui sistem pemantauan elektronik di pintu masuk negara seperti lapangan terbang dan pelabuhan.
    - Memberi latihan dan bantuan teknikal untuk meningkatkan keupayaan dan kecekapan pegawai penguatkuasa.
    - Mewajibkan majikan mendaftarkan pekerja asing secara sah.
    - Mengenakan hukuman yang berat dan menyenaraihitamkan PATI yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa.

- Mewujudkan dataraya PATI yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa bagi mencegah golongan ini memasuki negara bagi kali kedua.
- Membanteras pasaran gelap yang menjual visa atau pas palsu.

- Sekiranya pendatang asing tanpa izin tidak dikekang, ia akan memberi implikasi negatif terhadap negara. Kewujudan PATI akan menyebabkan persaingan dalam pasaran buruh di mana pekerja tempatan tidak berupaya mendapat gaji yang kompetatif. Selain itu, ekonomi negara akan terjejas sekiranya pendapatan mereka tidak dibelanjakan dalam negara dan memberi kesan terhadap jumlah kutipan cukai negara.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sultan-pahang-titah-kekurangan-nilai-integriti-punca-tanah-negeri-dijajah-pendatang-asing-481314
- https://www.kosmo.com.my/2024/08/07/rumah-sewa-punca-flat-jadi-koloni-pati/
- https://www.parlimen.gov.my/



NEXUS

RANGKUMAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Rangkuman Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my/**nexus**

© **Hak Cipta Terpelihara**